

TERMA RUJUKAN

GERAN PENYELIDIKAN SEPADAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Pindaan 2025

Unit Pengurusan Penyelidikan (UPP)
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

TERMA RUJUKAN GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI SEPADAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1. OBJEKTIF

- 1.1 Objektif Terma Rujukan Geran Penyelidikan Universiti Sepadan (GPUS) ini adalah untuk memberikan maklumat berkaitan pengurusan geran dan lain-lain perkara berkaitan penyelidikan ini. Ia merupakan sumber rujukan kepada kakitangan akademik, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), pegawai yang terlibat dalam pengurusan penyelidikan dan Jawatankuasa Penyelidikan di Fakulti, Pusat, Institusi dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi. Terma rujukan ini perlu dirujuk bersekali dengan Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan Pindaan 2021.
- 1.2 Tujuan GPUS ini ditawarkan adalah untuk meningkatkan kerjasama penyelidikan di antara UPSI dengan Universiti Penyelidikan (UP)/Universiti Awam (UA)/Universiti Swasta (US) dalam dan luar negara supaya dapat menjadi pemangkin kepada penjanaan idea baru dan penciptaan yang inovatif.

2. KRITERIA UTAMA GPUS

- 2.1 Projek GPUS mesti melibatkan sekurang-kurangnya **tiga (3)** buah UP/UA/US dalam setiap projek termasuk UPSI.
- 2.2 Semua rakan kerjasama mesti menyumbang dana (dalam bentuk tunai dan bukan *in-kind*) untuk projek berkenaan.
- 2.3 Nilai sumbangan mesti jelas dinyatakan dalam dokumen perjanjian dan tidak perlu dipindahkan antara institusi yang berkolaborasi.

3. SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 GPUS ditawarkan kepada Kakitangan Akademik UPSI bertaraf tetap dan kontrak.
- 3.2 Kakitangan akademik yang akan atau sedang cuti belajar/ sabatikal/ pasca kedoktoran/ sangkutan tidak layak memohon.

- 3.3 Penyelidik bersama hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang kakitangan akademik UPSI bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dicalonkan sebagai *Next Appointed Leader*.
- 3.4 Bilangan penyelidik bersama minima lima (5) orang dan maksima 10 orang tidak termasuk ketua penyelidik.
- 3.5 Ketua penyelidik dan penyelidik bersama perlu mematuhi etika penyelidikan yang telah ditetapkan. Penyelidikan yang melibatkan sampel manusia, haiwan dan biokeselamatan perlu mendapatkan kelulusan Etika Penyelidikan Universiti dan perlu dilaporkan dalam Laporan Kemajuan 1.
- 3.6 Setiap kumpulan penyelidik dari rakan kerjasama perlu menjalankan projek dalam skop penyelidikan yang sama dengan penyelidik UPSI di universiti masing-masing.
- 3.7 Setiap rakan kerjasama mesti menyumbang dana dalam bentuk kewangan yang hampir sama jumlahnya dengan yang dipohon oleh penyelidik UPSI untuk projek berkenaan.
- 3.8 Dana daripada rakan kerjasama tidak perlu disalurkan kepada UPSI tetapi bukti agihan dana kepada akaun penyelidik rakan kerjasama perlu disertakan setelah projek diluluskan.
- 3.9 Dana daripada rakan kerjasama dibenarkan untuk dipindahkan masuk dan keluar daripada UPSI.
- 3.10 Nilai sumbangan kewangan dari setiap rakan kerjasama mesti jelas dinyatakan dalam dokumen perjanjian.

4. SKOP PENYELIDIKAN

Cadangan penyelidikan yang dikemukakan mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya satu daripada skop penyelidikan berikut:

- 4.1 Pelaksanaan dasar pendidikan semasa: mengkaji pelaksanaan dasar pendidikan semasa seperti Dasar Pendidikan Digital, STEM, STREAM, pentaksiran bilik darjah, pendidikan inklusif dan pelaksanaan dasar pendidikan semasa yang lain.
- 4.2 Pengajaran dan pembelajaran: pedagogi yang kreatif dan inovatif melalui pendekatan/kaedah seperti gamifikasi, pembelajaran berasaskan cabaran, PAK 21, kepintaran buatan (*artificial intelligence*), realiti terimbuh (*augmented reality*), sains data (*data science*), pendekatan Pendidikan 5.0 dan pendekatan/kaedah lain.

- 4.3 Pentaksiran alternatif: pentaksiran selain daripada pengujian pensil dan kertas seperti pentaksiran prestasi, pentaksiran waktu nyata (*real time*), pentaksiran autentik, pentaksiran pemprofilan (*profiling*), pentaksiran diperibadikan (*personalised assessment*), pentaksiran bersepadu, pentaksiran atas talian (*online*), pentaksiran rakan sebaya dan pentaksiran alternatif lain.
- 4.4 Profesionalisme guru: perkembangan profesionalisme berterusan, kesejahteraan psikologi dan mental guru, kepimpinan instruksi, etika keguruan, pementoran dan profesionalisme guru yang lain.
- 4.5 Kemenjadian murid: kemenjadian akademik, kemenjadian sahsiah dan kemenjadian ko-kurikulum.
- 4.6 Skop-skop penyelidikan lain yang berpotensi menghasilkan outcome berimpak kepada sama ada kerajaan, komuniti, industri, akademia atau alam sekitar.

5. TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan **maksimum** adalah **30 bulan**.

6. SILING PERUNTUKAN

Peruntukan yang dipohon hendaklah wajar bersesuaian dengan keperluan dan keberhasilan sesuatu cadangan penyelidikan. Bagi bidang **bukan sains dan teknologi**, **minimum peruntukan ialah RM5,000.00 dan maksimum RM10,000.00**. Bagi **bidang sains dan teknologi**, **minimum peruntukan ialah RM20,000.00 dan maksimum RM25,000.00**. Walau bagaimanapun siling peruntukan masih boleh melebihi peruntukan yang ditetapkan dengan justifikasi yang kukuh dan bergantung kepada kecukupan dana serta kelulusan Mesyuarat Senat UPSI.

7. HASIL PENYELIDIKAN

- 7.1 Satu (1) artikel jurnal berindeks Scopus/WoS (*accepted*) bagi setiap projek masing-masing. Afiliasi dengan penulis antarabangsa perlu dinyatakan dengan jelas dalam artikel yang diterbitkan sekiranya projek GPUS melibatkan rakan kerjasama antarabangsa. Penyelidik digalakkan membuat minimum 5 sitasi penyelidikan kakitangan akademik UPSI dari jurnal terbitan UPSI dalam penerbitan yang dihasilkan.
- 7.2 Semua hasil penyelidikan seperti yang telah dipersetujui atau dicadangkan oleh penyelidik di dalam Akujanji Penyelidikan dan dokumen perjanjian (MoA) perlu dicapai.

- 7.3 Lain-lain hasil penyelidikan yang dipersetujui dalam Mesyuarat MJKPIU / MJPIU.

8. PERATURAN KEWANGAN

- 8.1 Setiap projek penyelidikan akan diberikan peruntukan berdasarkan kelulusan MJPIU.
- 8.2 Penyelidik perlu menyediakan anggaran kos kajian dalam cadangan kewangan mengikut keperluan penyelidikan.
- 8.3 Penyelidik perlu menggunakan peruntukan yang telah diberikan untuk hal-hal yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja.
- 8.4 Garis Panduan Kewangan bagi Geran Penyelidikan Universiti (GPU) adalah terpakai bagi GPUS ini.

9. PENILAIAN

- 9.1 Proposal penyelidikan perlu melalui proses penilaian di peringkat Fakulti sebelum dikemukakan kepada RMIC untuk penyelarasan.
- 9.2 Setiap proposal perlu dinilai sekurang-kurangnya oleh **dua (2) orang** penilai di peringkat Fakulti.
- 9.3 Panel penilai peringkat Fakulti perlu dilantik berdasarkan kepakaran dalam bidang penyelidikan yang dimohon.
- 9.4 Cadangan penyelidikan perlu dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JKTPI) berpandukan kepada Terma Rujukan JKTPI.
- 9.5 Cadangan penyelidikan yang disenarai pendek perlu dibentangkan oleh pemohon kepada Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JKTPI) di peringkat universiti.
- 9.6 Kelulusan geran dan MoA tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Senat Universiti.
- 9.7 Keputusan penilaian geran adalah muktamad.

10. PEMANTAUAN

10.1 Laporan kemajuan

Ketua Penyelidik bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan kemajuan dengan mengisi Borang Laporan Kemajuan Penyelidikan dalam tempoh setiap **enam (6) bulan** seperti yang ditetapkan.

10.2 Laporan akhir

Ketua Penyelidik bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan akhir dengan mengisi Borang Laporan Akhir Penyelidikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat penyelidikan.

10.2.1 Laporan akhir perlu disertakan dengan **bukti hasil penyelidikan** yang dijanjikan dalam MoA.

10.2.2 Penyelidik perlu menghantar **video pendek** hasil penyelidikan berdurasi 3-5 minit.

10.2.3 Penyelidik perlu menyediakan **penulisan ringkas** berkaitan penyelidikan yang dijalankan bagi disebar luas di dalam akhbar/majalah.

11. KAEDAH PERMOHONAN

11.1 Pemohon dikehendaki mengemukakan borang permohonan kepada RMIC melalui fakulti.

11.2 Borang permohonan Geran Penyelidikan Sepadan (UPSI/PPPI/UPP/B01-A) boleh dimuat turun daripada laman sesawang RMIC.

11.3 Permohonan yang lengkap perlu melalui proses penilaian di peringkat fakulti.

11.4 Surat tawaran kepada pemohon yang berjaya akan dikeluarkan oleh RMIC setelah diluluskan di peringkat Mesyuarat Senat Universiti.

11.5 Surat kelulusan geran hanya akan dikeluarkan setelah pemohon melengkapkan dan mengembalikan Borang Akujanji Penyelidikan dan Dokumen Perjanjian kepada RMIC.

12. TEMPOH PERMOHONAN

Tempoh permohonan dibuka sepanjang tahun tertakluk kepada kecukupan dana.

13. TANGGUNGJAWAB PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

- 13.1 Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) berfungsi sebagai badan yang menyelaras dan mengawal selia perjalanan penyelidikan dari segi dasar dan pengurusan kewangan.
- 13.2 Pihak RMIC berhak menolak sebarang proposal yang berunsurkan pengubahsuaian, plagiat dan pengulangan. Setiap proposal yang dihantar akan disemak Indeks Persamaan (*Similarity Index*) menggunakan perisian Turnitin sekiranya perlu.